

**Pakatan sokong langkah kerajaan negeri Selangor adakan sidang khas Dun
Malaysian Insider
05 Oktober, 2012
Oleh Md Izwan**

PETALING JAYA, 5 Okt — Pakatan Rakyat (PR) memberi sokongan penuh ke atas langkah kerajaan negeri Selangor untuk mengadakan sidang khas Dewan Undangan Negeri (Dun) bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pembangkang Barisan Nasional (BN) di Selangor.

Semalam, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (foto fail) telah mengadap Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bagi mendapatkan perkenan tetapi keputusan muktamad masih belum diputuskan.

“PR menyokong sepenuhnya langkah kerajaan negeri Selangor, tambah-tambah lagi banyak kekeliruan yang berlaku ketika ini,” kata ketua penerangan PAS Selangor, Saari Sungib, dalam satu sidang media di ibu pejabat PKR Selangor di Petaling Jaya.

“Isu-isu yang akan dibincangkan sangat penting untuk rakyat Selangor.”

Isu-isu yang akan dibincangkan dalam sidang Dun khas tersebut antaranya ialah melibatkan Talam Corporation Berhad (Talam), penyusunan semula industri perkhidmatan air di Selangor dan keberkesanan pelaksanaan Selangorku Bersih.

Tarikh sidang Dun tersebut masih belum diputuskan oleh kerajaan negeri Selangor tetapi dalam kenyataan Abdul Khalid semalam dia menjangkakan ia akan diadakan dalam tempoh dua hingga tiga minggu akan datang.

“Tarikh belum ditetapkan kerana kita ingin memastikan semua dokumen berkaitan siap dan saya memberitahu Tuanku Sultan bahawa saya ingin membincangkan tarikh dengan Exco Kerajaan Negeri,” kata Khalid semalam.

Menurut Saari lagi, sidang khas itu sangat penting ekoran banyak tohmahan daripada media kawalan BN terutamanya dalam isu Talam hingga menyebabkan rakyat Selangor terpedaya dengan penipuan tersebut.

“Sidang khas ini akan memberi peluang kepada kerajaan negeri untuk menerangkan secara terperinci kaedah pengutipan dan transaksi yang digunakan untuk mengutip hutang berjumlah RM329 juta,” tambah Saari.

Selain itu, pendedahan juga akan dilakukan semasa sidang tersebut bagi sejumlah 110,000 nama pengundi yang diragui dan gagal dikesan sehingga kini tetapi masih berada dalam senarai pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan menerangkan tentang Akta Perkhidmatan Industri Air yang memberi kuasa kepada menteri dan kerajaan persekutuan untuk mengarahkan syarikat konsesi menerima cadangan penyusunan semula ini.

Dalam sidang media sama, ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Teratai, Jenice Lee Ying Ha turut membidas pembentangan Bajet 2013 oleh perdana menteri (PM) Datuk Seri Najib Razak yang didakwa tidak memahami masalah dan kekangan yang terpaksa dihadapi oleh wanita pada hari ini.

"Saya tidak bersetuju dengan kenyataan menteri Kementerian Wanita, Keluarga dan Kemasyarakatan yang mengatakan wanita telah mencapai status sama dengan kaum lelaki.

"Kes rogol, buang bayi, keganasan rumahtangga yang kebanyakkan menindas kaum wanita juga tidak diberi perhatian yang jelas dalam Bajet 2013. Apakah mekanisme yang ada pada kerajaan untuk mengatasi semua masalah ini?," soal Jenice.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pakatan-sokong-langkah-kerajaan-negeri-selangor-adakan-sidang-khas-dun/>